



PERDANA  
LEADERSHIP  
FOUNDATION  
YAYASAN  
KEPIMPINAN  
PERDANA

PERDANA LIBRARY  
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION  
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Berita Harian
Date	30 September 2015



Najib dan Rosmah bergambar bersama pelajar pada majlis Sepetang Bersama Perdana Menteri dan Isteri di pejabat Wakil Tetap Malaysia ke PBB di New York. (FOTO BERNAMA)

# Berbaik dengan AS, China bukan bermakna tunduk: PM

» Pastikan kepentingan negara tidak terjejas



Langkah Malaysia berbaik-baik dengan kuasa besar seperti Amerika Syarikat (AS) dan China bukan bermakna tunduk kepada tekanan atau kemahuan mereka hingga kepentingan negara terjejas.

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, menjelaskan sebagai se-

buah negara, Malaysia perlu berhubung dengan negara lain tetapi tetap bertegas dengan pendirian berkaitan isu tertentu yang membabitkan kepenyuaian Malaysia.

"Adalah salah untuk menyatakan bahawa saya pro-Amerika Syarikat (AS) atau pro-China dalam dasar saya. Ya kita berkawan, bermain golf dengan (Barack) Obama.

Wiyud hubungan peribadi "Ituiah cara mewujudkan hubungan peribadi dan saya lakukan untuk Malaysia. Ia bukan bermakna saya perlu bersetuju mengenai segala-galanya. Misalnya, Hamas masih berada dalam senarai pengganas Amerika, tetapi saya masih pergi melawat Gaza.

"Begitu juga dengan China, yang menjadi rakan niaga terbesar kita, tetapi kita juga ada perbezaan pendapat dengan Chi-

**"Itulah cara mewujudkan hubungan peribadi dan saya lakukannya untuk Malaysia. Ia bukan bermakna saya perlu bersetuju mengenai segala-galanya. Misalnya, Hamas masih berada dalam senarai pengganas Amerika, tetapi saya masih pergi melawat Gaza"**

Najib Razak, Perdana Menteri

na," katanya ketika berucap pada majlis Sepetang Bersama Perdana Menteri dan isteri, Datin Seri Rosmah Mansor di pejabat Wakil Tetap Malaysia ke Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) di New York, semalam.

Kira-kira 300 pelajar dan warga Malaysia menghadiri majlis itu. Yang hadir sama Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Idris Jusoh; Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Wahid Omar; Duta Malaysia ke Amerika Syarikat, Datuk Dr Awang Adek Hussin dan Wakil Tetap Malaysia di PBB, Datuk Ramlan Ibrahim.

Najib juga menasihatkan rakyat Malaysia di luar negara, termasuk pelajar supaya jangan percaya semua yang dilaporkan oleh berita portal kerana banyak laporan berbentuk tuduhan yang tidak berasas, tanpa bukti.

•Apa yang penting segaia yang

kerajaan lakukan adalah untuk kepentingan rakyat dan negara hingga Malaysia kini diiktiraf' di tempat ke-12 negara yang paling kompetitif" katanya.

Oleh itu, beliau berkata, peljuar perlu berfikir secara rasional dan apa yang dilakukan kerajaan sekarang ialah untuk masa depan mereka, meruamin ekonomi terus kukuh.

Katanya, rakyat perlu memberi peluang kepada kerajaan untuk terus memimpin, bukan itiengadakan demonstrasi jalanan untuk menjatuhkan kerajaan.

"Anda boleh protes terhadap kerajaan, tetapi mesti ikut undang-undang. Beri kami peluang kerana mandat belum berakhir lagi. Jika anda mula menumbang kerajaan secara tidak sah, ia tidak akan berakhir," katanya.

Hantar pasukan pengaman Sementara itu, berucap pada Sidang Kemuncak Mengenai Pemeliharaan Keamanan yang dipengerusikan Presiden AS, Barack Obama, Perdana Menteri berkata Malaysia akan menghantar 380 pegawai dan anggota polis untuk misi pasukan pengaman PBB.

Najib berkata, 280 anggota dan pegawai polis akan dihantar sebagai dua pasukan Unit Polis, 100 lagi sebagai Pegawai Polis Individu yang menjadi sebahagian PolisPBB.

"Satu batalion infantri (sebagai) kumpulan tempur untuk penghantaran cepat, satu unit kejuruteraan bagi membantu misi pasukan pengaman dan pembinaan keupayaan menerusi latihan di Pusat Pengaman Malaysia di Port Dickson.

"Setakat ini, pusat itu (di Port Dickson) sudah mengendalikan lebih 90 siri kursus untuk lebih 2,500 peserta tempatan dan antara-bangsa dari 52 negara," katanya.

Antara yang turut berucap di sidang itu, pemimpin dari China, India, Perancis, Itali, Sri Lanka, Sepanyol, Ghana, Thailand, Uganda, Turki, Rwanda, Uganda dan Senegal.

Sejak 1960, Malaysia sudah menyertai 35 misi pengaman PBB, dengan penghantaran lebih 29,000 anggota tentera dan polis. Ketika ini, Malaysia menyertai enam misi di Sahara Barat, Congo, Lubnan, Liberia, Abyei dan Dariur.